

BAB PERTAMA

KONSEP KHARAJ DALAM ISLAM

1.2 Pendahuluan

Tanah adalah antara aset terpenting dan sumber kekayaan sama ada bagi orang perseorangan mahupun sesebuah negara. Pengurusan yang berkaitan dengan tanah juga boleh menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara, di samping ia juga mungkin menjadi faktor pertikaian. Percuaian adalah satu aspek pengurusan tanah yang penting kerana melalui kaedah percuaian yang sesuai dan berkesan produktiviti tanah akan meningkat seterusnya dapat menyumbang sebagai sumber pendapatan negara.

Zakat, 'usyr dan kharaj ialah cukai-cukai yang berkaitan dengan tanah dalam konteks pentadbiran sebuah negara Islam. Kajian ini akan menjelaskan tentang konsep kharaj serta latar sejarah yang membawa kepada pelaksanaannya.

1.2 Definisi kharaj

Perkataan “*kharāj*” berasal dari bahasa Byzantine yang bermaksud ufti.¹⁰ Menurut penggunaannya di dalam bahasa Arab, *kharāj* dengan kata jamaknya *akhrijah* (أَخْرِجَةٌ) atau *akhrāj* (أَخْرَاجٌ) diertikan sebagai “*al-itāwah*” (الإِتَّوْهَ) yakni apa yang diperoleh daripada hasil tanah atau pertanian.¹¹ Dalam konteks etimologinya, perkataan kharaj ada digunakan di dalam ayat al-Quran dengan makna upah, rezeki atau pahala, seperti firman Allah :

أَمْ تَسْأَلُهُمْ خَرْجًا فَخَرَاجٌ رَبُكَ خَيْرٌ وَهُوَ خَيْرُ الرِّزْقِينَ

*Atau kamu meminta upah kepada mereka? Maka upah dari Tuhan
mu adalah lebih baik, dan Dialah sebaik-baik Pemberi rezeki.*

Surah al-Mukminun (23) : 72

Manakala penggunaannya dalam konteks terminologi syariah pula bermaksud cukai yang dikenakan ke atas hasil pertanian yang dijalankan di atas tanah yang diperoleh tentera Islam sama ada melalui perperangan ataupun melalui perjanjian damai dengan pemiliknya yang asal.¹²

¹⁰ Mahayuddin Hj Yahaya (1999), op. cit., h. 262.

¹¹ Al-Rāzī, Muhammad Abī Bakr ibn ‘Abd al-Qādir (1989), *Mukhtār al-Sīhhah*. Beirut: Maktabah Lubnān, h. 151. Lihat juga: Ibrāhīm Muṣṭafā et. al. (1986), *al-Mu’jam al-Wasīt*. Istanbul: Dār al-Dakwah, h. 224.

¹² Qal’ajī dan Qunaybī (1985), *Mu’jam Lughah al-Fuqahā’*. Beirut: Dār al-Nafā’is, h. 194.

Menurut al-Māwardī, kharaj ialah cukai yang dikenakan berkaitan dengan tanah.¹³

Dalam penulisan para fuqaha', ada kalanya mereka menggunakan istilah kharaj bagi merujuk kepada cukai *jizyah* yang dikenakan ke atas penduduk bukan Islam seperti yang diungkapkan oleh Abū Ḥanīfah:

وَلَا يُتْرَكْ ذَمِّيٌ فِي دَارِ الْإِسْلَامِ بِغَيْرِ خِرَاجٍ رَأْسِهِ

Dan tidak dibiarkan seorang kafir dhimmi tinggal di negara Islam tanpa kharaj kepalanya¹⁴

Walaupun ayat di atas menggunakan istilah kharaj, tetapi ulama berpendapat cukai yang dimaksudkan dalam riwayat di atas bukannya kharaj tetapi jizyah, kerana cukai jizyah sering disebutkan juga sebagai cukai kepala *kharāj al-ra'si* (خراج الرأس) .¹⁵ Menurut penggunaan yang masyhur di kalangan para fuqaha, jika disebut perkataan kharaj secara umum, maka ia bermakna cukai yang dikenakan ke atas hasil tanaman. Apabila diikat dengan perkataan “kepala” (*kharāj al-ra'si*) ianya adalah merujuk kepada *jizyah* iaitu cukai kepala.

Walau bagaimanapun, istilah *jizyah* pula sering digunakan untuk merujuk kepada kharaj iaitu apabila disebut atau dikaitkan dengan “tanah” .¹⁶ Fenomena ini berlaku kerana istilah kharaj dan *jizyah* ini dianggap sinonim dari segi

¹³ al-Māwardī, ‘Aṭṭī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb (t.t.), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. h. 174-176.

¹⁴ Abū Yūsuf (1352H) *al-Kharāj*. Kaherah: Maṭba'ah al-Salafiyyah, h. 132.

¹⁵ al-Rays, Muḥammad Ḫiā' al-Dīn (1977), *al-Kharāj wa al-Nuzūm al-Māliyyah li al-Dawlah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Anṣār, h. 8-9.

makna, iaitu kedua-duanya merupakan harta yang diambil daripada golongan *dhimmi* sebagai timbal balas kerana mereka boleh tinggal dengan selesa di bawah naungan pemerintahan Islam. Dari segi pengelasan harta pula, kedua-duanya sama ada harta kharaj atau *jizyah* adalah dikategorikan oleh para ulama dalam kumpulan harta *fay'* yang mana penggunaannya perlu tertakluk kepada kaedah tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan'.¹⁶

1.3 Sejarah Pelaksanaan Kharaj

Sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w membawa seruan Islam di Makkah, kuasa utama dunia pada waktu itu ialah empayar Rom dan Parsi. Kedua-dua empayar ini menguasai kawasan yang sangat luas, dan menjadikan hasil mahsul dari jajahan takluknya sebagai sumber pendapatan negara. Sesuai dengan realiti tamadun pada waktu itu yang masih belum memasuki era perindustrian, sektor pertanian menjadi tumpuan utama penjajah untuk memanipulasi kemewahan dari keringat rakyat tempatan.

Menurut Ibn al-Athīr, "Raja-raja Parsi bertindak mengambil hasil mahsul dari tanah jajahan mereka, sebahagiannya pada kadar satu pertiga atau satu perempat. Ada kalanya mereka mengambil pada kadar satu" perlima atau satu perenam. Raja Qabaz ibn Fayruz telah mengarahkan supaya tanah pertanian diukur untuk menetapkan

¹⁶ Muhammad 'Uthmān Syubayr (1986), *Aḥkām al-Kharāj fī al-Fiqh al-Islāmī*. Kuwait: Dār al-Arqam, h. 14-15.

kadar kharaj ke atasnya. Walau bagaimanapun, baginda telah mangkat sebelum misi ini selesai. Pada zaman pemerintahan Kisra Anusyarwan, baginda telah mengarahkan agar misi ini diselesaikan, dan segala tanaman seperti gandum, kurma, anggur, zaitun dan padi telah dikenakan kharaj pada kadar yang tertentu. Baginda juga telah mengutuskan surat kepada pemerintah wilayah untuk memaklumkan percukaian kharaj ini di samping arahan agar memastikan penguasa kharaj tidak mengambil lebih dari kadar yang telah ditetapkan".¹⁷

Begitu juga kerajaan Rom yang menjadikan kutipan cukai tanah sebagaimana kharaj ini sebagai salah satu sumber kewangan negara. Semenjak kurun ke 6 Masihi lagi kerajaan Byzantine telah mengutip cukai tanah dalam dua bentuk, iaitu bayaran dalam bentuk barang dan juga wang tunai.¹⁸ Langkah mana-mana kerajaan mengenakan cukai ke atas rakyat negara dan penduduk di tanah jajahannya adalah suatu yang diterima dan diakui dalam sistem kenegaraan sangat. Namun, tindakan kerajaan Rom dan Rarsi mewarnai pelaksanaan cukai kharaj ini dengan kekerasan dan penindasan tidak memberikan imej yang baik kepada mereka. Pendekatan ini menimbulkan tekanan ke atas penduduk tempatan kerana ia sering diinterpretasikan sebagai tindakan memanipulasi tanah dan tenaga buruh tempatan untuk kepentingan pemerintah semata-mata.

Keadaan mula berubah selepas kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Selepas kewafatan baginda, para Khulafa al-Rasyidin mengambil

¹⁷ Ibn al-Athīr, 'Alī ibn Muḥammad (1980), *Al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, jld 1, h. 268.

¹⁸ al-Rays, Muḥammad Ḥiā' al-Dīn (1977), op.cit., h. 43-45.

alih peranan baginda untuk menerajui pemerintahan. *al-Futūhāt al-Islāmiyyah* yang digerakkan oleh Khulafa' al-Rasyidin berjaya mencapai objektifnya, dan seluruh semenanjung tanah Arab serta kawasan sekitarnya yang sebelum ini berada di bawah cengkaman Rom dan Parsi telah berjaya diambil alih oleh pemerintahan Islam. Penderitaan rakyat akibat kezaliman Rom dan Parsi telah berakhir dan mereka mula menikmati kehidupan baru di bawah pemerintahan Islam yang adil dan saksama.¹⁹

Pemerintah Islam telah mewujudkan keadaan yang harmoni dan mengambil inisiatif menyedia, membangun dan menaikkan taraf kemudahan infrastruktur supaya kehidupan masyarakat lebih selesa dan berkualiti. Langkah ini sebenarnya membebankan kerajaan kerana ia menuntut kos perbelanjaan dan pengurusan yang agak besar. Untuk memastikan kestabilan negara dalam aspek keselamatan, kerajaan terpaksa membayar gaji tentera dan memperlengkapkan logistik ketenteraan yang besar berikutan empayar Islam sudah menjangkaui seluruh semenanjung tanah Arab, Utara Afrika, Iraq dan Turkistan. Selain itu kerajaan juga terpaksa membina jalanraya, jambatan, mendalamkan sungai dan lain-lain pembangunan prasarana.²⁰

Rakyat beragama Islam dari awal lagi memberikan sumbangan kepada negara melalui bayaran zakat harta mereka. Sektor pertanian banyak menyumbangkan pendapatan kepada negara kerana petani dan peladang beragama Islam membayar satu persepuhl daripada hasil tuaian mereka kepada kerajaan melalui zakat pertanian

¹⁹ Ibid.

²⁰ Mahmūd al-Marsī Lāsyin, Dr. (1990), *al-Fārūq 'Umar wa al-Kharāj*. Kaherah: al-Fath li al-'lām al-'Arabi, h. 12. Lihat juga: al-Nabħān, Muḥammad Fārūq, Dr. (1988) *al-Ittijāh al-Jamā'i fi al-Tasyīr 'al-Iqtisād al-Islāmi*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 410-412.

(*al-'usyr*). Sehubungan itu, rakyat bukan beragama Islam juga perlu menyumbang kepada kerajaan sebagai timbal balas kerana mereka dapat menikmati kehidupan yang aman, selesa dan berkualiti.

Walau bagaimanapun, mereka tidak boleh dikenakan zakat sebagaimana rakyat beragama Islam kerana zakat adalah satu ritual ibadah. Sebagai alternatif, mereka perlu dikenakan cukai tertentu yang bersifat sivil dan tidak mengandungi sebarang konsep ritual ibadah sebagaimana zakat yang ditunaikan oleh orang Islam. Pemerintahan Islam sentiasa berpegang teguh kepada konsep tidak boleh memaksa orang bukan Islam menerima dan mengamalkan ajaran Islam.

Sebelum zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, belum ada suatu bentuk cukai khusus ke atas tanah yang ditakluki dari wilayah bukan Islam, kecuali satu kes di zaman Rasulullah s.a.w di mana baginda menyetujui permohonan Yahudi Khaibar untuk mengusahakan sendiri tanah mereka dan sebagai timbal balasnya mereka bersetuju untuk membayar cukai kepada Rasulullah daripada hasil tanaman tersebut. Namun cukai tersebut tidak diistilahkan dengan kharaj ataupun mana-mana istilah. Pada zaman pemerintahan khalifah Abu Bakr al-Šiddīq, tanah-tanah yang ditakluki diagharkan kepada tentera yang berperang sebagaimana mereka mengagihkan harta rampasan perang.

Ketika ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb menjadi khalifah, tentera Islam telah berjaya meluaskan lagi empayar Islam dengan melakukan beberapa siri penaklukan yang besar. Antara wilayah yang berjaya ditakluki di zamannya ialah Syria, Palestin,

kawasan Sawad²¹ di Iraq, wilayah Parsi, Mesir dan beberapa wilayah jajahan Rom di Afrika. Sebaik sahaja berjaya menawan wilayah-wilayah tersebut para panglima tentera Islam seperti Sa'd ibn Abi Waqqās dan Abū 'Ubaydah 'Āmir Ibn al-Jarrāḥ telah mengutuskan surat memohon daripada Khalifah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb untuk membahagikan segala harta *ghanimah, al-fay'*, tanah, dan ladang kepada tentera yang berperang. Walau bagaimanapun, permohonan untuk mengagihkan tanah-tanah ini mengikut amalan biasa semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w telah menimbulkan perbezaan pendapat di kalangan para Sahabat, justeru sebahagian mereka ingin mengekalkan cara pembahagian tersebut, manakala sebahagian yang lain berpendapat suatu mekanisme yang baru perlu dicari agar manfaat ini dapat dinikmati oleh seluruh umat Islam, dan bukannya dimonopoli oleh tentera sahaja.

Ketika 'Umar kelihatannya akan mengagihkan tanah Sawad kepada tentera Islam sebagaimana amalan biasa sebelumnya, seorang Sahabat iaitu Mu'ādh ibn Jabal berkata, "Demi Allah, jika dilakukan begitu pasti akan berlaku keadaan yang tuan sendiri tidak menyukainya. Seandainya tuan mengagihkannya (tanah Sawad) pada hari ini, pasti sekumpulan tentera ini akan memperoleh habuan yang besar, kemudian mereka akan mensesiakannya dan akhirnya seorang dua lelaki atau wanita akan memonopoli kesemuanya! Selepas itu nanti mungkin terdapat satu kumpulan yang dengan gigihnya mempertahankan Islam ini, tetapi malangnya mereka tidak

²¹ Tanah Sawad ialah suatu kawasan pertanian yang luas dan subur di Iraq. Dinamakan sawad yang bererti hitam kerana kesuburan tanamannya menyebabkan ia dilihat kehitaman jika dipandang dari jauh. Umar telah mengarahkan Uthman ibn Hunayf dan Huzayyah ibn al-Yaman mengukur keluasan tanah sawad dan didapati keluasan tanah pertaniannya tanpa mengira gunung-ganang, sungai dan padang pasir ialah 36 juta jarib bersamaan 49, 177, 440 kilometer persegi. Ibid., h. 163. Mahayuddin Hj Yahaya, op. cit., h. 266. Lihat juga: al-Nawawi, Yahyā ibn Syarīf (t.t.), *al-Majmū' Syarīh al-Muhadhdhab*. Kaherah : al-Maktabah al-'Ālamiyah, jld. 18, h. 338.

memperoleh apa-apa. Oleh itu, tuan perlu membuat keputusan yang akan memberi keselesaan kepada generasi hari ini dan juga generasi yang akan datang”.²²

Pandangan Mu'ādh ini telah membuka ruang perbincangan di kalangan para sahabat sama ada kaedah asal dalam pembahagian tanah ini perlu dikenalkan atau tidak. Bilāl ibn Rabāḥ daripada kumpulan yang mempertahankan cara pembahagian yang asal telah mengemukakan protes beliau kepada Khalifah 'Umar, “Apakah rampasan perang yang dikurniakan Allah kepada kami melalui pedang-pedang kami ini, tuan ingin mewakafkannya kepada orang yang tidak terlibat dalam perpeperangan? ”.

'Umar menjawab, “Jika aku agihkan tanah-tanah Iraq, Syam dan Mesir maka dengan apa aku akan mempertahankan kubu-kubu Islam? Kalau bukan kerana (kepentingan) orang terkemudian, nescaya tiada wilayah yang dibuka (ditawan) melainkan aku pasti mengagihkan tanahnya (kepada tentera) sebagaimana Rasulullah s.a.w mengagihkan tanah Khaibar”.

Di hujung perbincangan itu, 'Umar akhirnya membuat keputusan untuk memilik negarakan tanah-tanah tersebut demi kepentingan seluruh umat Islam. Dengan cara memberikan suguhan sebagai pampasan kerana tidak memperoleh tanah tersebut, beliau berjaya memuaskan hati pihak tentera, termasuk dari kalangan mereka yang berpendapat tanah-tanah tersebut perlu diagihkan kepada mereka sebagaimana biasa.

²² Abū Yüsuf (1352H), op.cit., h. 30-32.

Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb membuat keputusan untuk memilik negarakan tanah tersebut berdasarkan kepada ijtihad baginda dalam mentafsirkan ayat 41 surah al-Anfal, ayat 7 dan ayat 10 surah al-Hasyr. Dalam ayat 41 surah al-Anfal, Allah berfirman

واعلموا أنما غنمتم من شئ فأن الله خمسه وللرسول ولذى
القربى واليتمى والمسكين وابن السبيل

Ketahuilah, sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibn al-sabil²³

‘Umar mentafsirkan bahawa ayat ini datang dalam bentuk umum dan boleh ditakhṣiṣkan oleh ayat 10 surah al-Hasyr:

و الذين جاءو من بعدهم يقولون ربنا اغفر لنا ولاخوننا
الذين سبقونا بالايمان

Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa “Ya Tuhan kami, berilah keampunan kepada kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu daripada kami”

²³ Yakni satu perlima untuk yang dinyatakan di atas dan empat perlima untuk tentera yang berperang

Manakala ayat 10 surah al-Hasyr ini pula datang sesudah ayat 7, dalam surah yang sama.

مَا فَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقَرْيَةِ فَلَلَّهُ وَلِرَسُولِهِ
وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينَ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا
يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

Apa saja harta rampasan ('fay') yang diberikan Allah kepada RasulNya yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu.

Mengulas lanjut tentang ayat-ayat di atas 'Umar berkata, "Ayat ini umum kepada semua orang yang memeluk Islam selepas Muhajirin dan Ansar. Ertinya ia perlu diperuntukkan kepada mereka semua, agar harta itu tidak berlebar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja, maka bagaimanakah kita mengagihkannya kepada tentera yang berperang sahaja dan mengabaikan orang yang terkemudian?"²⁴

Daripada argumentasi di atas dapat dirumuskan bahawa Khalifah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb memperkenalkan kharaj kerana mengambilkira faktor maslahat rakyat

²⁴ Abū Yūsuf (1352H), ibid., Lihat juga: al-Khinn, Muṣṭafā Sa'īd (1998), *Athar al-Ikhtilāf fī al-Qawā'id al-Uṣūliyyah fī Ikhtilāf al-Fuqahā'*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 65-69.

secara keseluruhannya. Pandangan ‘Umar yang berpandukan teori al-maqāṣid ini telah memberikan manfaat yang bukan bersifat sementara tetapi menjangkau kepada rakyat pada generasi demi generasi yang akan datang. Langkah memperkenalkan kharaj ini boleh dianggap sebagai suatu reformasi ekonomi Khalifah ‘Umar, walaupun semasa ingin memperkenalkannya beliau berdepan dengan bantahan dan keraguan sebahagian para Sahabat, justeru ianya dianggap bercanggah dengan kaedah pengagihan ghanimah yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w.

Perubahan ini berlaku justeru sebahagian Sahabat menyuarakan keprihatinan mereka tentang jaminan terhadap generasi Islam akan datang. Justifikasinya ialah, pengagihan tanah-tanah yang ditakluki kepada tentera yang berperang boleh mengakibatkan generasi akan datang tidak lagi mempunyai tanah sebagai aset untuk menjana sumber ekonomi mereka. Padangan ini telah dipersetujui oleh Khalifah ‘Umar, dan mulai daripada penaklukan tanah Sawad di Iraq, tanah-tanah yang berjaya ditakluki telah dimilikan negarakan. Ia dikenali sebagai tanah kharaj dan hasil cukainya dinikmati oleh seluruh umat Islam. Apabila tuan tanah berkenaan memeluk Islam maka tanah tersebut tidak lagi dikenakan kharaj tetapi akan dikenakan zakat pertanian pula. Manakala bagi tanah-tanah yang tidak bertuan pula, ianya dijadikan milik bersama yang akan diusahakan oleh petani-petani tempatan di bawah pengawasan suatu badan Pemegang Amanah yang terdiri daripada golongan yang digelar sebagai *ahl al-ayyām*.²⁵

²⁵ *Ahl al-ayyām* ialah orang Arab beragama Islam yang terlibat dalam ekspedisi penaklukan awal wilayah Iraq.

Kesimpulannya, pengenalan cukai kharaj oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb merupakan satu ijtihad *siyāsī* yang sangat bijaksana. Baginda telah menunjukkan kehebatan dalam menggunakan kekuatan kognitif untuk memahami dan menggabung jalinkan beberapa nas al-Quran dengan objektif mencari satu rumusan *ijtihādī* yang boleh diimplementasi sebagai penyelesaian kepada permasalahan semasa. Walaupun kharaj telah lama dilaksanakan oleh kerajaan Parsi dan beberapa kerajaan lain sebelum kedatangan Islam, tetapi pelaksanaan kharaj yang diperkenalkan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dalam bentuk dan mekanisme yang baru boleh diiktiraf sebagai satu reformasi dalam sistem percukaian tanah dari perspektif kenegaraan Islam.

1.4 Objektif pelaksanaan kharaj dari perspektif *al-maqāsid*

Pelaksanaan kharaj adalah berasaskan kepada objektif yang sangat baik iaitu sebagai satu strategi bagi memastikan negara Islam mempunyai rezab tanah yang luas. Sebelum pelaksanaan kharaj, semua tanah yang ditakluki akan diagihkan kepada tentera yang berperang yang akhirnya menjadikan pemilikan tanah tersebut hanya dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja. Negara hanya akan memperoleh kawasan hutan atau padang pasir yang masih belum diterokai, di mana penerokaannya pada peringkat awal sudah tentu akan melibatkan kos yang tinggi. Tetapi melalui pelaksanaan kharaj, kesemua tanah pertanian tersebut akan menjadi milik negara yang kemudiannya diwakafkan untuk diusahakan oleh masyarakat, dan kerajaan akan memperoleh pendapatan daripada cukai pertanian tersebut.

Pada peringkat awal pelaksanaannya, perubahan ini dilakukan dengan pendekatan yang baik supaya tentera yang berperang tidak berasa kecewa justeru mereka tidak lagi akan memperoleh tanah tersebut. Khalifah ‘Umar telah memohon kerelaan para tentera tersebut dan memberikan habuan yang lain sebagai pampasan atau ganti kepada tanah tersebut.²⁶

Asas pandangan Khalifah ‘Umar ialah mengehadkan pengertian ghanimah kepada harta alih (المنقولات) sahaja, di mana tentera akan memperoleh pada kadar empat perlita daripada keseluruhan harta rampasan. Manakala harta tak alih (العقار) khasnya tanah, dikategorikan sebagai harta *fay'* yang perlu dinikmati manfaatnya oleh seluruh umat Islam sebagaimana maksud ayat 7 surah al-Hasyr di atas.²⁷

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah, betapa maslahat umum (*al-maṣlaḥah al-āmmah*) adalah faktor utama yang mempengaruhi ‘Umar dengan keputusan beliau ini. Seandainya beliau mengagihkan tanah tersebut kepada para tentera maka natijahnya ialah sekumpulan kecil manusia akan memiliki suatu kawasan tanah pertanian yang sangat luas. Mereka tentu akan berjaya mengumpulkankekayaan peribadi yang melimpah ruah, sedangkan kerajaan Islam ketika itu amat memerlukan sumber kewangan yang besar untuk pertahanan dan pembangunan negara. Abū Yūsuf berkata, “*tindakan ‘Umar memansuhkan pengagihan tanah kepada tentera merupakan taufiq daripada Allah SWT dan kebaikan kepada seluruh umat Islam*”²⁸

²⁶ Şubhî al-Şâlih (1992), *al-Nuzum al-Islâmiyyah*. Beirut: Dâr al-‘Ilm li al-Malâ’în, h. 359.

²⁷ Maḥmûd al-Marsî Lâsyin, op.cit., h. 14. Lihat juga: al-Nâbâhân, op.cit., h. 411.

²⁸ Abū Yūsuf, op.cit., h. 27.

Pada peringkat awal pelaksanaannya, perubahan ini dilakukan dengan pendekatan yang baik supaya tentera yang berperang tidak berasa kecewa justeru mereka tidak lagi akan memperoleh tanah tersebut. Khalifah ‘Umar telah memohon kerelaan para tentera tersebut dan memberikan habuan yang lain sebagai pampasan atau ganti kepada tanah tersebut.²⁶

Asas pandangan Khalifah ‘Umar ialah mengehadkan pengertian ghanimah kepada harta alih (المنقولات) sahaja, di mana tentera akan memperoleh pada kadar empat perlita daripada keseluruhan harta rampasan. Manakala harta tak alih (العقار) khasnya tanah, dikategorikan sebagai harta *fay'* yang perlu dinikmati manfaatnya oleh seluruh umat Islam sebagaimana maksud ayat 7 surah al-Hasyr di atas.²⁷

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah, betapa maslahat umum (*al-maslahah al-āmmah*) adalah faktor utama yang mempengaruhi ‘Umar dengan keputusan beliau ini. Seandainya beliau mengagihkan tanah tersebut kepada para tentera maka natijahnya ialah sekumpulan kecil manusia akan memiliki suatu kawasan tanah pertanian yang sangat luas. Mereka tentu akan berjaya mengumpulkan kekayaan peribadi yang melimpah ruah, sedangkan kerajaan Islam ketika itu amat memerlukan sumber kewangan yang besar untuk pertahanan dan pembangunan negara. Abū Yūsuf berkata, “*tindakan ‘Umar memansuhkan pengagihan tanah kepada tentera merupakan taufiq daripada Allah SWT dan kebaikan kepada seluruh umat Islam*”²⁸

²⁶ Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (1992), *al-Nuzum al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 359.

²⁷ Maḥmūd al-Marsī Lāsyin, op.cit., h. 14. Lihat juga: al-Nabhbān, op.cit., h. 411.

²⁸ Abū Yūsuf, op.cit., h. 27.

Ketika mempertahankan kaedah asal pembahagian tanah kepada tentera, ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Awf berkata kepada ‘Umar, “Tanah itu adalah rampasan perang yang Allah kurniakan kepada mereka”. Tetapi dijawab oleh ‘Umar, “Benar, tetapi aku melihat dari perspektif yang lain. Mungkin selepas ini orang Islam gagal membuka (menawan) negeri yang kaya, atau mungkin orang Islam membuka negeri (mundur) yang menjadi beban ke atas mereka sendiri. Jika aku bahagi-bahagikan tanah Iraq dan Syam maka dengan apa kita hendak mempertahankan kubu, dan apa yang terjadi kepada anak-anak dan janda?”.²⁹

Dalam perbincangan tersebut, ‘Umar menjelaskan bahawa kemungkinan selepas ini negeri-negeri yang dibuka bukanlah negeri yang kaya seperti Iraq dan Syam. Justeru, jika kekayaan Iraq dan Syam dibahagi-bahagikan kepada tentera, kerajaan tidak lagi mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mempertahankan dan membangunkan negeri-negeri yang lain. Dari perspektif *al-maqāṣid*, kita dapat merumuskan bahawa pandangan ‘Umar ini bersifat futuristik, iaitu menjadikan kemakmuran hari ini sebagai bekalan untuk meringankan bebanan yang mungkin terpaksa dihadapi pada masa hadapan.

Pandangan Khalifah ‘Umar di atas turut memperlihatkan tendensi beliau untuk menerapkan semangat persekutuan (federalisme) dalam pemerintahan, iaitu semua wilayah atau negeri memperuntukkan aman tertentu daripada pendapatannya untuk membantu atau menampung defisit belanjawan di negeri-negeri lain dalam

²⁹ Abū Yūsuf, *ibid.*, h. 25.

persekutuan. Secara aplikasinya ialah, sebahagian sumber kewangan yang diperoleh di Iraq dan Syam perlu dipanjangkan untuk pembangunan di negeri-negeri lain.

Dari perspektif *al-maqāṣid*, dapat dirumuskan bahawa tindakan ‘Umar ini merupakan suatu penghayatan kepada satu kaedah fiqh iaitu “*Mengutamakan kepentingan masyarakat umum lebih daripada kepentingan individu secara khusus*” (تقديم المصلحة العامة على المصلحة الخاصة). Keputusan untuk tidak mengagihkan tanah Sawad kepada para tentera adalah suatu bentuk pengabaian (اضرار) kepada maslahah anggota tentera, tetapi ia memberikan faedah kepada seluruh umat Islam kerana peranan tanah itu dalam menjana sumber kewangan yang besar kepada Baitul Mal, yang kemudiannya menyalurkan kemudahan itu untuk pertahanan, pembangunan negara dan kebajikan masyarakat.

Ekoran tindakan ‘Umar yang mengubah kategori tanah kepada harta *fay*', pasukan tentera tidak lagi memperoleh habuan yang besar. Ini adalah kerana, mengikut amalan biasa tindakan mengkategorikan tanah sebagai *ghanimah* akan memberikan mereka empat perlima daripada rampasan tersebut, sebaliknya keputusan ‘Umar ini menafikan mereka dari memperoleh bahagian tersebut. Namun, akhirnya mereka berpuashati dengan kadar saguhati yang diberikan oleh Khalifah ‘Umar sebagai menghargai komitmen mereka dalam menjalankan tugas ketenteraan serta taat setia mereka kepada negara.

Penulis berpendapat, dengan merujuk kepada kaedah “*Setiap sesuatu dinilai mengikut keperluannya*” (كل شيء يقدر بقدر)، keputusan Khalifah ‘Umar adalah wajar

kerana di samping *ghanimah* yang diperoleh daripada kategori harta alih, saguhati tersebut dianggap setara dengan sumbangan mereka kepada negara. Membalas komitmen tersebut dengan cara mengurniakan tanah Sawad yang begitu luas boleh dianggap keterlaluan dan tidak menepati kaedah di atas, kerana tanah tersebut akan menjadi milik peribadi mereka yang seterusnya akan diwarisi turun temurun oleh ahli keluarga mereka. Jika pembahagian ini dianggap wajar pada masa ia dilakukan kerana membala komitmen dan pengorbanan tentera di medan perang, maka apakah pula sumbangan anak cucu mereka yang mewarisi keistimewaan dankekayaan tersebut secara automatik melalui pewarisan?

1.5 Perbezaan antara kharaj dan *jizyah*

Dalam sejarah percuakan Islam terdapat beberapa jenis cukai yang telah diperkenalkan seperti *jizyah*, kharaj, '*usyr*' dan sebagainya. Dalam tulisan ini, akan diuraikan perbezaan antara kharaj dengan *jizyah* dan kharaj dengan '*usyr*'.

Perkataan *jizyah* adalah perkataan Arab yang diambil daripada kata asalnya *al-jazā'* (الجزاء) yang bermaksud balasan.³⁰ Justeru, *jizyah* dikenakan ke atas orang *dhimmi* sama ada sebagai balasan terhadap sikap konsisten mereka dengan kekufuran,

³⁰ al-Fayrûz Abâdî, Majd al-Dîn Muhammad ibn Ya'qûb (1987), *al-Qâmûs al-Muhiyyît*. Beirut: Muassasah al-Risâlah, h. 1640. Lihat juga: Qal'ajî dan Qunaybî, Dr. Muhammad Rawwâs dan Dr. Hamîd Shâdiq (1985), *Mu'jam Lughah al-Fugahâ'*. Beirut: Dâr al-Nafâ'is, h. 164.

ataupun sebagai timbal balas kerana kesediaan pemerintahan Islam memberi jaminan keamanan kepada mereka.³¹

Walaupun kharaj dan *jizyah* merupakan cukai yang pada asalnya dikenakan ke atas orang *dhimmi*, namun apabila kita melihat secara lebih terperinci tentang konsep, pensyariatan dan pelaksanaannya, kita dapat merumuskan bahawa terdapat beberapa aspek persamaan dan perbezaan di antara kharaj dan *jizyah*. Persamaan antara kharaj dan *jizyah* ialah:³²

- a. Kedua-duanya adalah cukai yang pada asalnya dikenakan ke atas *ahl al-dhimmah*
- b. Kedua-duanya adalah harta rampasan perang (*al-fay'*)³³ dan sehubungan itu perlu digunakan untuk kepentingan mereka
- c. Kedua-duanya wajib dibayar apabila sampai *hawl*

Perbezaan di antara kharaj dan *jizyah* pula ialah sebagaimana berikut:³⁴

- a. Dari segi pensyariatannya, *jizyah* adalah sabit melalui nas al-Quran, manakala kharaj adalah hasil ijtihad pemerintah iaitu Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb

³¹ al-Nabhān, op.cit., h. 304.

³² Al-Māwardī, Abū al-Hasan ‘Aṭṭī ibn Muḥammad (t.t.), *al-Āḥkām al-Sultāniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamiyah, h. 181.

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

- b. Dari segi cara penetapan kadar cukai, minimum kadar *jizyah* telah ditetapkan oleh syarak iaitu satu dinar, sementara maksimumnya tertakluk pada ijтиhad pemerintah. Manakala bagi kharaj pula, kedua-dua kadar minima dan maksima adalah tertakluk pada ijтиhad pemerintah
- c. *Jizyah* hanya dikenakan ke atas golongan *dhimmi*. Sekiranya *dhimmi* tersebut memeluk Islam maka beliau tidak lagi dikenakan *jizyah*. Manakala kharaj pula dikenakan ke atas orang Islam dan juga *dhimmi* yang berkenaan dan dalam keadaan tertentu tuntutan ini tidak akan gugur walaupun jika *dhimmi* tersebut memeluk Islam³⁵
- d. *Jizyah* dikenakan secara perkepala (*per-head*), iaitu cukai ke atas individu *dhimmi* sebagai timbal balas terhadap jaminan keselamatan mereka. Manakala kharaj pula dikenakan ke atas tanah pertanian ataupun hasil pertanian yang dituai
- e. Bayaran *jizyah* dilakukan secara tunai. Manakala kharaj pula boleh dibayar secara tunai ataupun secara '*ain*'
- f. *Jizyah* hanya dikenakan ke atas lelaki *dhimmi* yang dewasa, yakni wanita dan kanak-kanak tidak dikenakan *jizyah*. Manakala kharaj pula dikenakan tanpa mengira jantina dan had umur³⁶

Dalam konteks semasa, dapatlah dikatakan bahawa perbezaan yang paling utama di antara kharaj dengan *jizyah* ialah kharaj berbentuk percukaian tanah,

³⁵ Ibid.

³⁶ 'Abd al-'Azīz al-'Afī al-Na'im (1975), *Nizām al-Darā'ib fī al-Islām*. Beirut: Muassasah 'Abd al-Hafīz al-Bāsīt, h. 449.

sementara *jizyah* pula lebih hampir kepada ufti yang dibayar oleh orang *dhimmi* atau *musta'min* untuk menetap di negara Islam dalam keadaan aman.

1.6 Perbezaan antara kharaj dan ‘usyr

Dalam terminologi percukaian Islam, perkataan ‘usyr’ digunakan dalam dua konteks yang berbeza iaitu *al-‘usyr* (العشر) dan *al-‘usyūr* (العشور). *Al-‘Usyr* ialah zakat tanaman yang dikenakan ke atas orang-orang Islam (*tithe*³⁷). *Al-‘Usyr* juga dikenakan ke atas mana-mana orang Islam yang mengerjakan tanah mati (*ihyā’ al-arḍ al-mawāt*). Ditinjau dari perspektif perundangan Islam pula, pensyariatan ‘usyr’ adalah sabit dari al-Quran dan al-Sunnah. Allah berfirman:

يأيها الذين آمنوا أنفقوا من طيبٍ ما كسبتم وما أخرجن لكم
من الأرض

“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian dari hasil yang baik yang kamu peroleh, dan dari apa yang kamu keluarkan (tuai) dari bumi”

Surah al-Baqarah (2): 267.

وهو الذي أنشأ جنت معروشت وغير معروشت والنخل والزرع
مختلفاً أكله والزيتون والرمان متشبهاً وغير متشبهاً كلوا من ثمره
إذا أثمر واعتوا حقه يوم حصاده ولا تسرفووا

³⁷ Qal'aī dan Qunaybī, op.cit., h. 312.

"Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya), dan tidak sama (rasanya). Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila ia berbuah, dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya, dan janganlah kamu berlebih-lebih."

Surah al-An'am (6): 141.

Ramai ulama salaf yang menegaskan bahawa maksud "*haggahu*" dalam ayat di atas ialah zakat iaitu '*usyr*' yakni satu persepuhluh ataupun separuh '*usyr*', di antaranya al-Tabārī yang telah meriwayatkan dari Anas ibn Mālik yang menjelaskan bahawa yang dimaksudkan ialah zakat. Beliau juga meriwayatkan dari Ibn 'Abbās yang berkata: '*Usyr* dan separuh *'usyr*.

Diriwayatkan juga dari Jābir ibn Zayd, al-Ḥasan, Sa'īd ibn al-Musaiyyib, Muhammad ibn al-Ḥanafiyah, Ṭawūs, Qatādah dan al-Daḥḥāk: Bahawa ianya adalah zakat atau sedekah wajib (صَدَقَةٌ مُفْرُوضَةٌ) atau *al-'usyr* dan setengah *al-'usyr*.³⁸

Kesimpulannya, perbezaan di antara kharaj dengan '*usyr*' adalah dari segi pensyariatannya, di mana kharaj adalah sabit secara ijtihad manakala '*usyr*' pula sabit secara nas. '*Usyr*' hanya dikenakan ke atas hasil pertanian yang diusahakan oleh orang-orang Islam dan sama sekali tidak dikenakan ke atas orang bukan Islam. Sementara kharaj pula, walaupun pada asalnya diperkenalkan sebagai suatu

³⁸ Al-Tabārī, Abū Ja'afar Muḥammad ibn Jurayr (1988), *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl al-Qurān*. Beirut: Dār al-Fikr, jld. 12, h. 158-161.

mekanisme untuk memungut cukai pertanian daripada orang-orang bukan Islam tetapi dalam beberapa kondisi orang-orang Islam juga perlu membayar cukai kharaj.

Mengenai ‘*usyur*³⁹ pula, para fuqaha’ menggunakan istilah ini untuk merujuk kepada cukai perniagaan yang dikenakan ke atas orang bukan Islam yang menjalankan perniagaan mereka di dalam negara Islam, dengan syarat mereka boleh bergerak dengan aman dari sebuah negara Islam ke sebuah negara Islam lain untuk tujuan perniagaan tersebut⁴⁰. ‘*Usyur* telah diperkenalkan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb ekoran dari peluasan wilayah Islam (*al-futūḥāt*) yang telah membuka pintu seluas-luasnya bagi perdagangan di antara umat Islam dengan pedagang-pedagang bukan Islam. ‘Umar berpendapat adalah munasabah negara Islam mendapat sedikit pulangan daripada aktiviti perdagangan tersebut. Tindakan ini diambil kerana pedagang Islam yang menjalankan perniagaan mereka di negara asing telah dikenakan cukai sebanyak 10 peratus oleh negara berkenaan. Sehubungan itu, ‘Umar telah mengarahkan supaya pedagang bukan Islam yang menjalankan perniagaan mereka di negara Islam turut dikenakan cukai. Dari segi pelaksanaannya, cukai ‘*usyur* ini dikenakan pada kadar yang berbeza bergantung kepada kategori mereka di mana pedagang dari kategori *harbi* dikenakan ‘*usyur* pada kadar 10 peratus, manakala pedagang *dhimmi* dikenakan pada kadar 5 peratus.⁴¹

Dalam konteks semasa, dapat dirumuskan bahawa perbezaan utama di antara kharaj dengan ‘*usyur* ialah dari segi konsepnya, yakni kharaj adalah sejenis

³⁹ ‘*usyur* adalah kata jama’ daripada ‘*usyr*

⁴⁰ Qal’ajī dan Qunaybī, op.cit., h. 312.

⁴¹ ‘Abd al-‘Azīz al-‘Alī al-Naqīm, op.cit., h. 284.

percukaian tanah sementara ‘usyur’ lebih mirip kepada cukai kastam atau levi yang dikenakan ke atas warga asing yang menjalankan perniagaan di negara Islam.

1.7 Kategori Tanah Menurut Syariah

Mengklasifikasikan tanah kepada kategori tertentu sangat penting, kerana pelaksanaan kharaj adalah berkaitan dengan percukaian tanah dengan melihat kepada jenis tanah dan kedudukan orang yang mengusahakannya. Pengelasan tanah ini perlu merujuk kepada sejarah, panduan dan kondisi-kondisi yang pernah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w diikuti dengan zaman Khulafa’ Rasyidin, khasnya zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb. Berpandukan huraihan di atas, para ulama telah mengklasifikasikan tanah kepada dua kategori utama, iaitu:

1. Tanah Kharaj
2. Tanah ‘Usyr

Walau bagaimanapun, para ulama mempunyai pendapat yang berbeza dalam menentukan manakah tanah yang dikenakan kharaj dan manakah pula yang dikenakan ‘usyr’, berdasarkan kedudukan tanah dan agama pemilik atau pengusaha tanah tersebut.

Pengelasan tanah ini akan memberikan implikasi yang besar kerana tanah kharaj akan dikenakan cukai yang berlainan sama ada *kharāj al-wazīfah* ataupun *kharāj al-muqāsamah*, manakala cukai bagi tanah ‘usyr’ adalah tetap iaitu sama ada

satu persepuhlus ataupun satu perdua puluh, bergantung kepada kaedah pengairan yang digunakan.

Dari segi hak pemilik tanah pula, pemilik tanah ‘*usyr* mempunyai authority mutlak ke atasnya, manakala bagi tanah kharaj pula ia perlu dirujuk kepada status sesuatu bidang tanah itu semasa ianya diperolehi, kerana pernah berlaku dalam sejarah Islam tanah kharaj yang dikembalikan hakmilik kepada pemilik asalnya dan ada yang diserahkan untuk diusahakan sahaja.

Seseorang itu tidak boleh menukar status tanahnya sesuka hati, sama ada menukar tanah kharaj kepada ‘*usyr* atau sebaliknya. Contohnya, seorang yang memiliki tanah ‘*usyr* dan di sebelahnya tanah kharaj lalu beliau membelinya dan menjadikan kedua-dua bidang tanah itu sebagai tanah ‘*usyr*. Tindakan ini tidak dibenarkan sama sekali. Begitu juga seorang yang mempunyai sebidang tanah kharaj dan di sebelahnya ada tanah ‘*usyr* lalu beliau membelinya dan menjadikan kedua-duanya sebagai tanah kharaj.⁴² Tindakan ini tidak dibenarkan kerana para ulama telah berijma’ bahawa status tanah kharaj adalah bersifat kekal selama-lamanya.

Mengenai persoalan status tanah ini, al-Māwardī di dalam bukunya *al-Aḥkām al-Sultāniyyah* telah membentangkan gagasan beliau tentang kategori tanah. Beliau menjelaskan bahawa secara umumnya tanah terbahagi kepada empat kategori, dan

⁴² Ibid., h. 398.

dalam menentukan sama ada sesuatu tanah itu digolongkan sebagai tanah kharaj ataupun tanah ‘usyr adalah merujuk kepada kondisi berikut:⁴³

Pertama : Tanah yang terbiar (*al-ard al-mawāt*) yang diusahakan oleh orang Islam adalah tanah ‘usyr dan tidak boleh dikenakan kharaj sama sekali.⁴⁴ Walau bagaimanapun, jika tanah ini diusahakan oleh orang *dhimmi* maka mereka dikenakan kharaj, kerana ‘usyr hanya dikenakan ke atas orang Islam sahaja.⁴⁵

Kedua : Tanah yang pemiliknya memeluk Islam perlu dikekalkan hakmiliknya. Tanah ini dianggap sebagai tanah ‘usyr oleh mazhab Syafie dan pemiliknya tidak dikenakan kharaj. Sementara Abū Ḥanīfah pula berpendapat bahawa pemerintah mempunyai pilihan sama ada menjadikannya tanah kharaj ataupun ‘usyr. Jika ia dijadikan tanah kharaj maka selepas itu tidak boleh ditukar statusnya kepada tanah ‘usyr, tetapi jika pada asalnya dijadikan tanah ‘usyr status tanah itu masih boleh ditukar kepada tanah kharaj.

Ketiga : Tanah yang diperolehi secara kekerasan daripada orang bukan Islam. Mazhab Syafie berpendapat ianya adalah harta *ghanimah* dan perlu diaghikhan kepada tentera yang terlibat dalam perperangan tersebut. Selepas pengagihan tersebut tanah itu dianggap sebagai tanah ‘usyr dan tidak boleh dikenakan kharaj. Imam Malik berpendapat ianya perlu diwaqafkan untuk memberi manfaat kepada umat Islam

⁴³ Al-Māwardī, op.cit., h. 187.

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Al-Kāṣāñī, ‘Ala’ al-Dīn Abī Bakr ibn Mas’ūd (1986), *Badā’ie’ al-Ṣanā’ie’ fī Tariib al-Syarā’ie’*. Kaherah: Dār al-Hadīth, jld. 2, h. 58.

melalui kutipan kharaj. Abū Ḥanīfah pula berpendapat pemerintah mempunyai autoriti untuk membuat pilihan sama ada tanah tersebut adalah tanah kharaj ataupun 'usyr.

3

Keempat : Tanah yang dimiliki oleh orang bukan Islam yang membuat perjanjian damai (*sulh*) dengan pemerintahan Islam. Ia dikategorikan sebagai tanah kharaj. Terdapat dua kondisi yang berkaitan dengan tanah ini.

Kondisi pertama : Tanah yang ditinggalkan oleh orang bukan Islam dan diperolehi oleh umat Islam tanpa melalui perperangan. Ia dianggap sebagai tanah yang diwaqafkan kepada orang Islam dan dikenakan kharaj. Pengusaha tanah ini, tanpa mengira sama ada mereka adalah orang Islam ataupun dhimmi dikenakan kharaj sebagai sewaan tanpa mengira berapa lamakah had masa sewaan tersebut.

Kondisi kedua : Tanah yang masih dipegang oleh pemiliknya yang bukan Islam melalui perjanjian damai (*sulh*). Tanah ini dikenakan kharaj, dan ianya terdiri dari dua kondisi juga iaitu:

Kondisi pertama : Sekiranya tanah itu diserahkan kepada orang Islam melalui *sulh* maka ia menjadi tanah yang diwaqafkan kepada orang Islam. Kharaj dikenakan ke atasnya sebagai sewaan dan tidak akan dimansuhkan walaupun mereka telah memeluk Islam.

Kondisi kedua : Tanah itu kekal di tangan pemiliknya melalui *sulh* di mana mereka bersetuju membayar kharaj sebagai timbal balas kerana tidak menyerahkan tanah itu kepada orang Islam. Mereka dikenakan kharaj selagi mereka menganut agama mereka dan kharaj itu akan dimansuhkan jika mereka memeluk Islam. Kharaj yang dikenakan ke atas mereka boleh dianggap sebagai jizyah dan apabila menjelaskan cukai ini mereka tidak perlu lagi membayar *jizyah*.⁴⁶

1.7.1 Tanah '*Usyr*

Seseorang muslim yang mengusahakan pertanian di tanah '*usyr* wajib mengeluarkan zakat pertanian pada kadar satu persepuhl atau satu perdua puluh bergantung kepada kaedah pengairan yang digunakannya. Menurut Abū 'Ubayd, tanah-tanah yang dikategorikan sebagai tanah '*usyr* adalah sebagaimana berikut:⁴⁷

Pertama: Semua tanah yang mana pemiliknya telah memeluk Islam. Implikasi dari pengislaman itu hakmilik tanah tidak gugur dari tangan mereka. Mereka mempunyai hakmilik ke atasnya dan dikenakan '*usyr* ke atas tanah-tanah tersebut. Contohnya ialah tanah-tanah di Madinah, Taif, Yaman dan Bahrain.⁴⁸ Makkah juga dikategorikan sebagai tanah '*usyr* walaupun Rasulullah s.a.w berjaya menawannya selepas berlaku perperangan. Nañun begitu, baginda tidak mengenakan sebarang tindakan ke atas penduduk Makkah dan tidak merampas harta mereka

⁴⁶ Al-Māwardī, op.cit., h. 187-188.

⁴⁷ Abū 'Ubayd, al-Qāsim ibn Salām (1989), *Kitāb al-Amwāl*. Beirut: Maṭba'ah al-Qāherah. h. 55.

⁴⁸ Ibid.

sebagai *ghanimah*. Selepas mendapat pengampunan Rasulullah s.a.w mereka memeluk Islam dalam keadaan masih mempunyai hakmilik ke atas harta benda dan tanah mereka. Sehubungan itu, tanah kepunyaan mereka itu turut dikategorikan sebagai tanah ‘usyr’.⁴⁹

Mengenai tanah ini, Abū Yūsuf menulis di dalam bukunya *al-Kharāj*, “Aku bertanya: Wahai Amirul Mukminin, Apakah hukum mengenai satu kaum daripada ahli al-harb yang memeluk Islam? Maka darah mereka haram (terpelihara), bagi mereka harta mereka, begitu juga tanah mereka menjadi tanah ‘usyr seperti Madinah ketika penduduknya memeluk Islam bersama Rasulullah s.a.w, maka tanah mereka adalah tanah ‘usyr. Begitu juga Taif dan Bahrain”⁵⁰.

Kedua: Tanah yang diperolehi melalui perang tetapi pemerintah tidak mewaqafkannya sebagai *fay'* sebaliknya menjadikannya sebagai *ghanimah* yang dibahagi kepada tentera pada kadar empat perlima, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w terhadap tanah Khaibar yang sebelumnya dimiliki oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani.

Ketiga: Tanah terbiar yang tiada pemilik dan tidak diusaha. Sehubungan itu, pemerintah menyewakannya (*iqtā'*)⁵¹ kepada sesiapa yang mampu

⁴⁹ Al-Qarađāwī, Yūsuf (1986), *Fiqh al-Zakāh*. Beirut: Muassasah al-Risālah, jld. 1, h. 405-406.

⁵⁰ Abū Yūsuf, op.cit., h. 74.

⁵¹ *Iqtā'*: Salah satu kaedah pengurusan tanah menurut Islam yang merupakan mekanisme untuk membangunkan tanah terbiar. Ada dua jenis *iqtā'*, iaitu yang boleh memberi hakmilik (*iqtā' al-Tamlīk*) dan *iqtā'* untuk mengusahakan tanah itu sahaja (*iqtā' al-istighlāl*). *Iqtā'* tidak boleh disamakan dengan *manorial system* dalam feudalisme yang berleluasa di Eropah pada kurun ke 12 dan 13 Masehi kerana feudalisme membenarkan manipulasi tanah oleh para pembesar untuk kepentingan peribadi

mengusahakannya sebagaimana amalan Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin yang pernah menyewakan tanah Yaman, Yamamah dan Basrah.

Keempat: Tanah mati (*al-ard al-mawāt*) yang diusahakan oleh orang Islam.⁵²

Membangunkan tanah mawāt adalah salah satu kategori *iqtā'* iaitu *iqtā'* yang boleh membawa kepada hakmilik (*iqtā'* *al-tamlīk* إقطاع التملك). Manakala *iqtā'* dalam konteks untuk membangunkan tanah dan mendapatkan faedahnya sahaja (*iqtā'* *al-istighlāl* إقطاع الاستغلال) adalah bergantung kepada kelulusan yang diberikan oleh pemerintah dan kelulusan itu boleh ditarik balik pada bila-bila masa bergantung kepada keperluan semasa.⁵³

1.7.2 Tanah Kharaj

Pada mulanya tanah kharaj ialah tanah Sawad dan tanah Syam yang jatuh ke tangan tentera Islam dalam perang yang berlaku di zaman pemerintahan Khalifah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb.⁵⁴ Penarafan sebagai tanah kharaj ini telah membuka perbincangan di kalangan para ulama terhadap persoalan, apakah jenis-jenis tanah yang dikategorikan sebagai tanah kharaj dan sejauh manakah kuasa pemerintah dalam pengurusan tanah-tanah tersebut.

mereka. Feudalisme juga sinonim dengan hamba tanah (*serfs*) yang dieksplorasi sepenuhnya oleh para feudal.

⁵² Abū 'Ubayd, op.cit., h. 49-55.

⁵³ Al-Māwardī, op.cit., h. 239. Lihat juga: Muhammad Fārūq al-Nabḥān (1988), *al-Ittijāh al-Jamā'i fi al-Tasyrī al-Iqtisādī al-Islāmī*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 223-234.

⁵⁴ Mahmūd al-Marsī Lāsyīn, op.cit., h. 7.

Perbezaan pendapat berlaku di kalangan ulama berhubung status tanah yang diperolehi melalui perperangan, apakah ia dianggap sebagai ghanimah yang perlu dibahagi-bahagikan kepada tentera sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dalam kes tanah Khaibar, ataupun dimiliki negara kan sebagaimana yang dilakukan oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dalam kes tanah Sawad, Mesir dan Syam. Pendapat-pendapat tersebut ialah:⁵⁵

- a. Imam Malik berpendapat tanah tersebut tidak boleh dibahagikan sebaliknya hendaklah dikekalkan sebagai milik bersama umat Islam untuk mendapat faedah daripada cukai kharaj yang dikenakan ke atas tanah tersebut.⁵⁶ Menurut Imam Malik, ayat 41 surah al-Anfal yang bermaksud, “*Ketahuilah, sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlima untuk Allah, Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibnu al-sabil*” adalah merujuk kepada harta *ghanimah* dalam bentuk harta alih seperti emas, perak dan sebagainya. Tanah berkenaan tidak termasuk dalam umum ayat di atas berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Ḥanīfah yang bermaksud,⁵⁷ “*Di sekat Iraq daripada qafiz dan dirhamnya, dan disekat Syam daripada cupak dan dinarnya*”. Menurut al-Taḥāwī hadis ini menjadi dalil bahawa tanah Iraq dan Syam bukanlah milik tentera kerana apa yang diperolehi melalui

⁵⁵ Al-Nawawī (t.t.), op.cit., jld. 18, h. 334-336.

⁵⁶ Lihat: Ibn Rusyd, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Rusyd al-Qurṭubī (1988), *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 1, h. 401.

⁵⁷ Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd al-Lāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī (t.t.), *al-Jāmi’ li Akhām al-Qurān*. Beirut: Dār al-Fikr, jld. 8, h. 4.

kaedah pembahagian *ghanimah* bukanlah suatu yang boleh disukat dengan sukatan *qafiz*.⁵⁸

- b. Imam al-Syafie pula berpendapat bahawa pemerintah tidak boleh menjadikannya sebagai tanah kharaj, tetapi hendaklah membahagikannya kepada tentera yang berperang dan ia menjadi tanah '*usyr*'. Menurut mazhab Syafie, tiada perbezaan antara harta alih (*al-manqūlāt*) dan harta tidak alih (*al-'aqār*) seperti tanah. Sehubungan itu, semua tanah yang diperolehi melalui peperangan seperti Iraq, Syam dan lain-lain hendaklah dibahagi kepada tentera pada kadar empat perlima sebagaimana maksud ayat 41 surah al-Anfal yang menyentuh kaedah pembahagian harta *ghanimah*. Dalam penghujahan, mereka berpegang kepada keputusan Rasulullah s.a.w membahagikan tanah Khaibar kepada tentera menurut pembahagian *ghanimah*.

Oleh kerana al-Syafie berpendapat tanah berkenaan adalah harta rampasan (*al-ghanimah*) maka ayat 7 surah al-Hasyr tidak boleh dijadikan sebagai dalil dan tidak relevan kerana ayat tersebut menyentuh persoalan harta *fay'* iaitu harta yang dirampas tanpa melalui peperangan. Al-Syafie berpendapat, sebenarnya 'Umar ibn al-

⁵⁸ *Al-qafīz*: satu unit sukatan klasik yang dianggarkan bersamaan dengan 2.75 kilogram. Rujuk: al-Rays, Muḥammad Dīā' al-Dīn, op.cit., h. 277-279.

Khaṭṭāb telah mewaqafkan tanah Sawad selepas tentera bersetuju untuk bertolak ansur tentang hak mereka ke atas tanah tersebut.⁵⁹

- c. Abū Ḥanīfah pula berpendapat bahawa pemerintah berhak membuat keputusan sama ada membahagikan tanah tersebut kepada tentera menurut pembahagian *ghanimah* ataupun menjadikannya sebagai milik rakyat melalui kharaj.⁶⁰ Dalil mereka ialah mereka menggabungkan ayat 41 Surah al-Anfal dan perbuatan ‘Umar menjadikan tanah Sawad sebagai milik rakyat untuk membolehkan pemerintah memilih kaedah yang lebih sesuai dengan maslahah semasa. Dalam hal ini Abū Yūsuf berkata, “*Pendapat ‘Umar untuk tidak membahagikannya kepada tentera adalah tawfiq daripada Allah dan kebaikan kepada seluruh umat Islam*”.⁶¹

Turut dikategorikan sebagai tanah kharaj ialah tanah yang dimiliki oleh orang bukan Islam (*dhimmi*) melalui *sulh* dan bersetuju dengan butiran perjanjian yang dimeterai dengan pemerintahan Islam. Mereka dikehendaki membayar kharaj selagi tanah tersebut berada di bawah pegangan mereka. Sekiranya, melalui syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui bersama, orang *dhimmi* ini menyerahkan tanah tersebut kepada orang Islam maka tanah itu menjadi tanah waqaf untuk kepentingan

⁵⁹ Ibid., jld 8 h. 5., al-Māwardī, op.cit., h. 187.

⁶⁰ Ibid. Lihat juga: al-Syawkānī, Imam Muhammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad. *Nayl al-Awṣār Syarḥ Muntaqā al-Akhbār*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld.8, h. 14-15.

⁶¹ Abū Yūsuf, op.cit., h. 32.

seluruh umat Islam. Kharaj yang dikenakan adalah *kharāj al-ujrah* yakni kharaj dalam konteks sewaan yang perlu dibayar oleh pengusaha Muslim tersebut.⁶²

Terdapat juga tanah-tanah yang ditinggalkan oleh orang bukan Islam dan dimiliki oleh umat Islam tanpa melalui peperangan. Ia dianggap sebagai tanah yang diwaqafkan kepada orang Islam dan dikenakan kharaj. Pengusaha tanah ini, tanpa mengira sama ada mereka adalah orang Islam ataupun bukan Islam dikenakan kharaj sebagai sewaan tanpa mengira berapa lamakah had masa sewaan tersebut. Tanah ini tidak akan bertukar kategorinya walaupun pemiliknya memeluk Islam. Kedudukannya sebagai waqaf untuk umat Islam bersifat kekal dan tidak boleh diserahkan kepada pemilik secara individu sama ada melalui jual beli atau sebagainya.⁶³

⁶² Al-Māwardī, op.cit., h. 187-188.

⁶³ Ibid.

1.7.3 Tanah Kharaj Dalam Realiti Semasa

Persoalan yang perlu diteliti sekarang ialah di manakah tanah kharaj dalam konteks negara moden sekarang, kerana persempadanan negara telah jauh berubah daripada zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin dan pemerintahan Islam lain yang silih berganti kemudianya. Selain itu juga berlaku perubahan ke atas sifat dan ciri-ciri tanah tersebut seterusnya membawa kepada perubahan guna tanah.

Al-Qarađāwi berpendapat, penilaian semula perlu dilakukan terhadap kondisi dan status tanah tersebut. Beliau telah menukilkan pendapat Ibn Nujaym al-Ḥanafī di dalam *al-Baḥr al-Rā'iq Syarḥ Kanz al-Daqā'iq*, bahawa kebanyakan ulama mutakhirin mazhab Hanafi telah memberikan fatwa bahawa tanah-tanah seperti Sawad, Syam dan Mesir tidak lagi dianggap sebagai tanah kharaj. Kewajipan kharaj ke atas tanah-tanah tersebut telah dimansuhkan, kerana dengan peredaran masa semua pemiliknya telah meninggal dunia, dan tidak diketahui siapakah pewaris tanah tersebut di kalangan generasi yang datang selepas mereka. Oleh kerana pemiliknya telah tiada, maka tanah tersebut kembali kepada Baitul Mal. Sehubungan itu, sesiapa sahaja yang membelinya daripada Baitul Mal akan memperolehi hakmilik yang sah dan harga tanah yang dibayarnya adalah ganti kepada kharaj, yakni bayaran itu dianggap sebagai ganti kepada kharaj untuk umat Islam. Selepas kewajipan kharaj dimansuhkan, hukumnya kembali kepada asal iaitu '*usyr*', kerana '*usyr*' adalah hukum

asal terhadap pertanian yang diusahakan oleh orang Islam. Tambahan pula pensyariatan ‘*usyr* adalah sabit menerusi al-Quran , al-Sunnah dan ijma’.⁶⁴

Dalam realiti semasa juga, semua kerajaan telah mempunyai sistem percukaian tanah masing-masing dan mereka melaksanakannya dengan efisien. Persoalan sama ada tanah tersebut dahulunya merupakan tanah kharaj atau ‘*usyr* tidak pernah ditimbulkan. Sehubungan itu, adalah sangat bertepatan dengan realiti semasa jika hasil pertanian yang diusahaikan oleh orang Islam dikenakan ‘*usyr* dan bukannya kharaj.⁶⁵

1.8 Jenis-jenis Kharaj

Berdasarkan kaedah taksiran yang digunakan, kharaj boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

1.8.1 *Kharāj al-Wazifah*

Ia dikenali juga sebagai *kharāj al-masāḥah* iaitu berdasarkan kawasan. Melalui pelaksanaan *kharāj al-wazifah* pemilik-pemilik tanah diwajibkan membayar cukai kharaj berdasarkan keluasan tanah dan jenis tanamannya. Kadar cukai akan ditetapkan berdasarkan keluasan tanaman, afapun secara bayaran wang bagi setiap

⁶⁴ Al-Qaradāwī (1986), op.cit., h. 417-418. Lihat juga: al-Ḥaṣkaḥ, al-Syaykh ‘Alā’ al-Dīn Muḥammad b. ‘Alī (2000), *Radd al-Muḥtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār* (dikenali sebagai *Hāsyiyah Ibn ‘Abidin*). Beirut: Dār al-Ma’rifah, jld 6, h. 281.

⁶⁵ Al-Qaradāwī (1986), op.cit.

unit kawasan tanah atau jumlah pokok yang ditanam. Asas taksiran ini adalah merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb terhadap tanah Sawad⁶⁶ di Iraq di mana beliau telah menetapkan ke atas satu *jarīb*⁶⁷ (جريدة) tanah yang sesuai untuk pertanian kharajnya ialah satu *qafīz* dan satu dirham. Sementara kharaj ke atas satu jarib tanah yang ditanam dengan pokok-pokok kekal pula adalah berbeza-beza mengikut jenis pokok tersebut, seperti setiap *jarīb* anggur dikenakan kharaj sebanyak 10 dirham dan setiap *jarīb* kurma dikenakan 5 dirham.⁶⁸

Kharaj jenis ini hanya wajib dibayar sekali sahaja setahun, walaupun aktiviti pertanian boleh dijalankan beberapa kali dalam setahun. Cara ini telah dilakukan oleh Khalifah ‘Umar terhadap tanah-tanah yang dimiliki oleh golongan kafir *dhimmi*. Abū Ḥanīfah berkata, “Walaupun seseorang itu mengerjakan tanah kharaj beberapa kali dalam setahun, kharaj akan dipungut sekali sahaja”.⁶⁹

1.8.2 *Kharāj al-Muqāsamah*

Kharāj al-muqāsamah pula ialah cukai kharaj yang dikenakan berdasarkan kepada hasil tanaman yang diperolehi seperti satu perdua, satu pertiga, satu perempat dan sebagainya daripada jumlah hasil tanaman tersebut. Umumnya, para ulama menetapkan bahawa kadar maksima yang bolēh dikenakan hendaklah tidak melebihi

⁶⁶ Tanah Sawad ialah satu kawasan yang memanjang dari Teluk Parsi ke Mawsil di sebelah utara dan dari sempadan Syria-Iraq ke Hulwan di sebelah timur. Rujuk: Mahayuddin Hj. Yahaya, op.cit., h. 264.

⁶⁷ *al-jarīb*: satu unit dalam sistem ukuran dan sukatan klasik yang dianggarkan bersamaan dengan 1, 366.04 meter persegi. Rujuk: Al-Rays, Muhammad Djā' al-Din (1977), op.cit., h. 277-279.

⁶⁸ Al-‘Afī al-Na‘īm, ‘Abd al-‘Azīz (1975), op.cit., h. 423-429.

⁶⁹ Ibid.

seperdua atau 50 peratus kerana akan dianggap terlalu membebankan golongan petani.

Kaedah ini mula diperkenalkan di zaman pemerintahan Khalifah Harūn al-Rasyīd. *Kharāj al-Muqāsamah* dikira sebaik sahaja hasil pertanian itu dituai, dan petani diberikan pilihan sama ada untuk menjelaskannya terus ataupun membayarnya dengan wang selepas hasil tuaianya dijual.⁷⁰ Abū Yūsuf telah mencadangkan kepada khalifah supaya kadar kharaj yang dikenakan ke atas gandum sebanyak 40 peratus, kurma dan buah-buahan sebanyak 33 peratus, anggur sebanyak 30 peratus dan hasil pertanian musim panas sebanyak 25 peratus.⁷¹ Amaun yang dibayar hendaklah dalam jumlah yang tepat dan bukan berdasarkan anggaran sahaja.⁷²

Secara perbandingannya, *kharāj al-wazīfah* ataupun *kharāj al-masāḥah* boleh dianggap sebagai cukai ke atas unjuran hasil yang dijangkakan dengan melihat kepada keluasan tanah dan jenis tanaman yang diusahaikan, manakala *kharāj al-muqāsamah* pula boleh dianggap sebagai cukai ke atas hasil yang benar-benar diperolehi oleh para petani.

Dari segi pelaksanaannya, *kharāj al-wazīfah* lebih mudah dilaksanakan kerana kadar cukai yang dikenakan adalah tetap, justeru ia berdasarkan kepada jenis tanah dan tahap kesuburnanya serta jenis tanaman yang sesuai ditanam di kawasan tersebut.

⁷⁰ Mahmūd al-Marsī Lāsyin, op.cit., h. 28-31.

⁷¹ Abū Yūsuf, op.cit., h. 59.

⁷² Ibid.

Manakala bagi *kharāj al-muqāsamah* pula, kadar cukai yang dikenakan sentiasa berubah-ubah bergantung kepada hasil tanaman yang dituai oleh para petani.

1.9 Pertindihan Kewajipan Kharaj Dan ‘Usyr

Dari segi praktikalnya, dalam pelaksanaan kharaj mungkin berlaku pertindihan cukai iaitu tuntutan cukai kharaj dan ‘usyr berlaku pada orang yang sama. Para ulama mempunyai pendapat yang berbeza berhubung masalah berhimpunnya tuntutan mengeluarkan kharaj dan ‘usyr pada satu masa. Contohnya ialah bagi kes seorang muslim mengusahakan pertanian di atas tanah kharaj, maka apakah dikenakan zakat pertanian (‘usyr) sahaja, atau dikenakan kharaj sahaja ataupun dikenakan kedua-duanya sekali?

Imam al-Nawawi⁷³ berpendapat bahawa dalam kes seperti ini yang dituntut ialah kedua-duanya sekali iaitu ‘usyr dan kharaj. Beliau berkata, “*Mengikut pendapat kami, kedua-duanya (iaitu kharaj dan ‘usyr) berhimpun sekali, dan kewajipan membayar salah satu daripadanya tidak menghalang kewajipan membayar yang satu lagi, dan begitulah pendapat jumhur ulama*”.⁷³ Yakni bayaran kharaj adalah dikenakan ke atas lokasi tanah tersebut sementara bayaran ‘usyr pula adalah dikenakan ke atas hasil tanaman yang diusahakan.

⁷³ al-Nawawi, op.cit., jld. 2, h. 543-544.

Ibn Munzir menukilkan pandangan yang sama daripada sebahagian besar para ulama seperti ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz, Rabī‘ah, al-Zuhri, Yahyā al-Anṣārī, Mālik, al-Awzā‘ī, al-Thawrī, al-Ḥasan, Ibn Ṣalih, Ibn Abī Laylā, al-Layth, Ibn Mubārak, Alḥmad, Ishāq, Abū ‘Ubayd dan Dāwud al-Ζāhirī.⁷⁴

Sebaliknya, Abū Ḥanīfah⁷⁵ pula berpendapat, dalam kes ini pemilik berkenaan hanya wajib membayar kharaj sahaja dan ‘usyr tidak diwajibkan ke atasnya. Berikut adalah hujah-hujah ulama mazhab Hanafi:⁷⁶

- i. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas‘ūd bahawa Rasulullah SAW bersabda:⁷⁷

لَا يجتمع عشرون خراج في أرض مسلم

“Tidak berhimpun ‘usyr dan kharaj pada tanah seorang muslim’.

- ii. Abū ‘Ubayd⁷⁸ telah meriwayatkan dengan sanadnya daripada Tāriq ibn Syihāb, dia berkata : ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb telah menulis kepada pegawainya berkenaan dengan *dahqānah*⁷⁹ Nahr al-Mālik⁸⁰

⁷⁴ Ibid.

⁷⁵ Abū ‘Ubayd, op.cit., h. 169.

⁷⁶ Al-Nawawi, op. cit.

⁷⁷ Dirinya meriwayatkan oleh Yahyā ibn ‘Anbasah daripada Abū Ḥanīfah daripada Ibrāhīm al-Nakha‘ī daripada ‘Alqamah daripada Ibn Mas‘ūd secara marfū’. Yahyā ibn ‘Anbasah dha‘if. Lihat: al-Nawawi, op.cit. Lihat juga: al-Maqdasi, op.cit., jld. 2, h. 729. Menurut Abū ‘Ubayd, tiada seorangpun di kalangan sahabat mahupun tabi‘in yang berkata demikian. Lihat: Abū ‘Ubayd, op. cit., h. 171.

⁷⁸ Dirinya meriwayatkan oleh Abū ‘Ubayd daripada ‘Abd al-Rahmān ibn Mahdi daripada Sufyān daripada Qays ibn Muslim daripada Tāriq ibn Syihāb. Lihat: Abū ‘Ubayd, op.cit., h. 168.

⁷⁹ *Dahqānah* ialah istilah dalam bahasa Parsi yang bermaksud penguasa wilayah. Penguasa lelaki digelar *Dahqān* manakala penguasa perempuan ialah *Dahqānah*. Kata jamaknya ialah *Dahāqīn*.

⁸⁰ Nahr al-Mālik ialah sebuah lembah yang besar di Baghdad, bersebelahan dengan Nahr Isā. Lihat: Al-Qurasyi, Yahyā ibn Ādām (1987), *Kitāb al-Kharāj*. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 96.

yang baru memeluk Islam. Dalam tulisan itu ‘Umar telah memerintahkan supaya mereka mengembalikan semula tanah *dahqānah* tersebut dan sebagai timbal balasnya *dahqānah* itu perlu membayar kharaj. Dalam’ kes ini ‘Umar telah mengarahkan pegawaiya mengutip kharaj dan tidak mengarahkan supaya mereka mengutip ‘usyr. Jika ‘usyr juga diwajibkan ke atas *dahqānah* itu sudah tentu ‘Umar akan memberikan arahan yang serupa.

- iii. Secara praktiknya tidak pernah cukai kharaj dan ‘usyr dihimpunkan bersama semenjak ‘Umar memperkenalkan kharaj ke atas tanah Sawad dan tanah-tanah kharaj yang lain.
- iv. Perspektif tuntutan ‘usyr dan kharaj adalah sama, iaitu kesuburan tanah yang membolehkan pertanian dilakukan. Jika sesuatu tanah itu gersang dan tidak memberikan sebarang produktiviti, kedua-duanya sama ada kharaj ataupun ‘usyr tidak akan dikenakan ke atasnya. Jelaslah bahawa faktor kesuburan tanahlah yang menentukan kewajipan kharaj dan ‘usyr, dan begitulah sebaliknya. Itulah sebabnya kedua-duanya disandarkan (مضاف) kepada tanah iaitu *kharāj al-ard* dan *‘usyr al-ard*. Menurut kaedah tatabahasa Arab, sandaran (الاضافة) berfungsi bagi menunjukkan ada hubungan antara keduanya. Oleh kerana kharaj dan ‘usyr masing-masing ada hubungan dengan tanah maka dapat dikatakan bahawa

sebab yang membawa kepada wajibnya kharaj dan ‘usyr adalah sama. Dua perkara yang diwajibkan kerana sebab yang sama tidak boleh berhimpun bersama. Contohnya seorang ingin menjual haiwan ternakan dan beliau menternaknya selama setahun. Walaupun pada dasarnya, beliau diwajibkan mengeluarkan dua jenis zakat iaitu zakat ternakan dan zakat perniagaan, tetapi sebenarnya beliau hanya dikenakan satu zakat sahaja kerana syarak menegah berhimpunnya dua jenis zakat ke atas satu harta.

- v. Dari segi konsepnya, sebab yang membawa kepada pelaksanaan kharaj tidak sama dengan pelaksanaan ‘usyr. Kharaj dilaksanakan kerana adanya tanah yang diperolehi secara kekerasan di mana pihak yang menawan kawasan tanah kharaj itu mempunyai hak dan authoriti ke atasnya. ‘Usyr pula diwajibkan kerana penduduk kawasan itu memeluk Islam secara sukarela. Justeru itu mereka mempunyai hak ke atas tanah mereka, dan ianya bukan hak dan authoriti pihak yang menawan kawasan itu. Dua hukum tidak boleh berhimpun jika sebabnya berbeza. Jika salah satu hukum telah sabit maka hukum yang satu lagi secara automatik akan gugur. Dalam hal ini, pertanian yang diusahakan di atas tanah kharaj tidak lagi dikenakan ‘usyr.⁸¹

⁸¹ Al-Maqdasi, op.cit., Jld. 2, h. 726. Lihat juga: Al-Balāzūrī (1983), *Futūh al-Buldān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 546.

Jumhur ulama pula berpendapat bahawa dalam kes sebegini, seorang muslim itu masih perlu membayar 'usyr kerana ia adalah satu kewajipan. Tuntutan membayar kharaj sama sekali tidak menggugurkan kewajipan membayar 'usyr. Hujah-hujah jumhur ulama adalah seperti berikut:⁸²

- i. Jumhur berhujah dengan umum nas yang mewajibkan zakat ke atas hasil tanaman tanpa membezakan antara sesuatu jenis tanaman dengan tanaman yang lain. Firman Allah:

يأيها الذين آمنوا أنفقوا من طيبٍ مَا كسبتم ومما

آخر جنالكم من الأرض

Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untukmu

Surah al-Baqarah (2): 267.

Allah juga berfirman:

وأتوا حقه يوم حصاده

Dan tunaikanlah haknya pada hari kamu memetik hasilnya (dengan dikeluarkan zakatnya)

Surah al-An'ām (6): 141.

Nas-nas ini merangkumi semua hasil pertanian sama ada dari tanah 'usyr ataupun tanah kharaj.

⁸² Al-Nawawi, op.cit., h. 549-550.

- ii. Terdapat perbezaan di antara kharaj dan '*usyr* sama ada dari segi konsep mahupun pelaksanaannya. Sebab diwajibkan kharaj dan '*usyr* adalah berbeza. Oleh itu, kewajipan menunaikan salah satu daripadanya tidaklah memberi implikasi bahawa tiada lagi kewajipan menunaikan yang satu lagi.

Kebarangkalian ataupun kemungkinan memperoleh manfaat menjadi sebab diwajibkan kharaj, sementara manfaat sebenar yang diperolehi pula menjadi sebab diwajibkan '*usyr*, kerana '*usyr* tidak diwajibkan jika hasil pertanian tersebut tidak mencukupi nisabnya.

Dari segi kewajipannya pula, '*usyr* tertakluk dengan hasil sebenar yang diperolehi daripada aktiviti pertanian, manakala kharaj pula tertakluk dengan *dhimmah* orang yang dituntut membayarnya.

Ditinjau dari segi agihannya pula, '*usyr* perlu diagihkan kepada asnaf delapan yang berhak menerima zakat, manakala kharaj perlu digunakan untuk perbelanjaan tentera, kakitangan kerajaan dan sebarang keperluan umum.

Oleh kerana wujudnya beberapa perbezaan di antara kharaj dan '*usyr*, sama ada dari segi sebab tuntutan dan pengagihannya, maka tiada apa yang menghalang kharaj dan '*usyr* dikenakan ke atas lokasi tanah yang sama.

- iii. Dari segi pensyariatan, '*usyr*' adalah wajib berdasarkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Kharaj pula diwajibkan dengan berpandukan pertimbangan ijтиhad pemerintah khasnya Khalifah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb. Sehubungan itu, status tanah kharaj tidak boleh menghalang kewajipan '*usyr*' kerana dalam aspek pensyariatan, al-dalālah yang membawa kepada pensyariatan '*usyr*' adalah lebih kuat.⁸³

Melalui penelitian yang terhadap dalil-dalil yang dikemukakan, didapati pendapat jumhur ulama adalah lebih rajih. Pendapat jumhur adalah berasaskan dalil dan hujah yang sahih dan jelas. Jumhur ulama terutamanya Imam al-Nawawī telah mengkritik hujah yang dikemukakan oleh fuqaha' mazhab Hanafi sebagaimana berikut:

- i. Menurut al-Nawawī⁸⁴ hadis "Tidak berhimpun '*usyr* dan *kharaj*'" adalah hadis yang batil di mana para ulama telah *ijma'* tentang kedhaifannya. Hadis ini sebenarnya telah diriwayatkan secara bersendirian oleh Yaḥyā ibn 'Anbasah daripada Abū Ḥanīfah daripada Iḥmād daripada Ibrāhīm al-Nakha'i daripada 'Alqamah daripada Ibn Mas'ūd daripada Rasulullah SAW. Menurut al-Bayhaqī, kata-kata ini diriwayatkan oleh Abū Ḥanīfah daripada Iḥmād daripada Ibrāhīm yang telah mengungkapkannya, lalu diriwayatkan pula oleh Yaḥyā ibn

⁸³ Ibid.

⁸⁴ Ibid. Lihat juga: Al-Maqdāsī, op.cit., jld. 2, h. 729.

‘Anbasah secara *marfū*’. Yahyā ibn ‘Anbasah ini memang diketahui umum telah ditaqđ’iđkan oleh para ulama Hadis kerana selalu meriwayatkan hadis daripada beberapa orang *Thiqāt* yang tidak diterima (*mawdū*).⁸⁴

- ii. Berkenaan dengan kes *dahqānah*, jumhur telah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan oleh ‘Umar ialah *dahqānah* itu masih tetap dikenakan kharaj walaupun dia telah memeluk Islam, kerana tanah yang dapat dikuasai oleh tentera Islam melalui perperangan dikategorikan sebagai tanah kharaj, dan jika pemilik tanah tersebut memeluk Islam selepas itu statusnya sebagai tanah kharaj tidak akan berubah. Arahan ‘Umar itu tidak membawa maksud apabila kharaj dikenakan ke atas *dahqānah* itu maka kewajipan membayar ‘usyr adalah terbatal.⁸⁵ ‘Umar hanya menyebut kharaj kerana mungkin pegawaiinya menyangka apabila *dahqānah* itu memeluk Islam maka kewajipan membayar kharaj akan terbatal sebagaimana dengan *jizyah*. Berkenaan dengan ‘usyr pula, memang mereka telah sedia maklum tentang kewajipannya dan tidak perlu disebut oleh ‘Umar, sebagaimana ‘Umar tidak menyebut tentang zakat ternakan dan sebagainya.

- iii. Berkenaan dengan hujah bahawa pemerintah tidak pernah memungut kharaj bersama dengan ‘usyr, dakwaan ini adalah tidak benar kerana

⁸⁵ Abū ‘Ubayd al-Qāsim (1989), op.cit., h. 168-169.

terdapat riwayat yang sahih bahawa Khalifah ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz telah mengenakan kharaj bersama dengan ‘usyr. Yahyā ibn Ādam telah meriwayatkan daripada Maymūn ibn Mahrān, dia berkata : Aku telah bertanya ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz tentang seorang Muslim yang memiliki tanah kharaj. ‘Umar menjawab : Ambillah kharaj dari sini (sambil menunjuk ke arah tanah) dan ambillah zakat dari sini (sambil menunjuk ke arah tanaman).⁸⁶ Berkenaan dakwaan bahawa ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dan para sahabat tidak pernah memungut ‘usyr bersama dengan kharaj, jumhur menjelaskan bahawa keadaan ini berlaku kerana pada masa itu tanah kharaj semuanya berada pada orang bukan Islam. Ibn Ḥazm mengatakan bahawa dakwaan ‘Umar dan para sahabat tidak memungut ‘usyr daripada orang Islam adalah satu dakwaan yang tidak mempunyai sebarang dalil.⁸⁷

- iv. Jumhur menolak hujah fuqaha Hanafī bahawa sebab diwajibkan ‘usyr dan kharaj adalah sama. ‘Usyr dikenakan ke atas tanaman, sementara kharaj dikenakan ke atas tanah yang sesuai untuk pertanian tanpa mengira sama ada pemilik tanah itu mengusahakan pertanian ataupun tidak. Dengan lain perkataan, sebab dikenakan kharaj ialah kesesuaian tanah untuk memberikan manfaat, manakala sebab dikenakan ‘usyr ialah wujudnya harta itu sendiri.⁸⁸

⁸⁶ Yahyā ibn Ādam (1987), op.cit., h. 165.

⁸⁷ Ibn Ḥazm, al-Ḥāfiẓ Abū Muḥammad, ‘Ali ibn Ḥazm al-Andalūṣī al-Ζāhirī (1966), *al-Muḥallā*. Ditahqiq oleh Ahmad Muhammad Syākir. Maṭba’ah al-Muniriyah, jld. 2, h. 247.

⁸⁸ al-Nawawi, op.cit., h. 558-559.

- v. Jumhur juga menolak pendapat fuqaha mazhab Hanafi bahawa kharaj diwajibkan sebagai hukuman ke atas kekufuran. Menurut jumhur ulama, kharaj sebenarnya diwajibkan sebagai *ujrah* tanah, sama ada tanah itu milik orang Islam ataupun bukan Islam. Jika kharaj adalah hukuman ke atas kekufuran sudah tentu ia tidak dikenakan ke atas orang Islam sebagaimana *jizyah*.⁸⁹

Secara praktikalnya, oleh kerana jumhur fuqaha berpendapat bahawa tuntutan membayar kharaj dan ‘usyr’ boleh berhimpun bersama, jika terdapat kes seseorang mengusahakan pertanian di lokasi yang digazetkan sebagai tanah kharaj, maka bayaran cukai kharaj boleh dianggap sebagai hutang ke atas projek pertanian tersebut yang akan ditolak daripada hasil yang diperolehi nanti. Selepas ditolak tunggakan amaun kharaj yang terhutang tersebut, jika hasil pertanian itu masih mencukupi nisabnya maka barulah dikeluarkan ‘usyr’ daripadanya.

⁸⁹ al-Maqdasi, op.cit., jld 2, h. 726.